



PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**DOKUMEN :**

**SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA  
TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA  
KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT  
LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN  
LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR.**

**BIL. SEBUT HARGA  
CIAST(S) 400 - 5/6/46**

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KANDUNGAN

---

- 1.0 Kenyataan Tawaran Sebut Harga
- 2.0 Lampiran Q
- 3.0 Arahan Kepada Penyebut Harga
- 4.0 Senarai Semak
- 5.0 Borang Sebut Harga

## **1.0 KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**



**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut harga ini terbuka kepada Kontraktor yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:

<b>BIL. / TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>KOD BIDANG / PENDAFTARAN</b>	<b>TARIKH, MASA DAN LOKASI TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK</b>	<b>TARIKH, MASA DAN TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA</b>
<b>CIAST(S) 400 - 5/6/46  SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N &amp; R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR</b>	CIDB Gred G2 Kategori B, Pengkhususan B24 atau B28, Negeri Selangor  1. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), 2. Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G2 Kategori B, Pengkhususan B24 atau B28 3. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). 4. Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera	Taklimat dan Lawat Tapak: Tarikh : <b>25 MAC 2022</b> Masa : 10.00 PAGI Lokasi : Bilik Mesyuarat PPL, Aras 2, Blok J  a) Sila Datang Awal kerana pelawat perlu mendaftar di Pondok Pengawal. Pintu Bilik taklimat akan di tutup tepat jam 10:00 PAGI.  b) HANYA PENAMA sahaja yang boleh menghadiri taklimat sebutharga  c) Pematuhan kepada SOP yang telah ditentukan kementerian kesihatan	Tutup Sebut Harga : Tarikh : 01 April 2022 Masa : Sebelum jam 12:00 tengahari  Tempat Serahan: Peti Sebut Harga, Aras 2, Blok J, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jalan Petani 19/1, Seksyen 19, 40900 Shah Alam, Selangor  Nota: Dokumen sebut harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan

5. Penyebutharga yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah MUAT TURUN Dokumen Sebutharga dari laman sesawang CIAST ([www.ciastr.gov.my](http://www.ciastr.gov.my)) bermula 22 Mac 2022.
6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai dokumen sebut harga sila hubungi En Zahrin bin Abd Latif di talian 03-55438245 atau untuk pertanyaan berkenaan butiran kerja, sila hubungi En. Faisal bin Yusof di talian 03-55438298.
7. Syarikat yang berminat WAJIB HADIR ke taklimat sebut harga sebagaimana tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas dan perlu mengemukakan dokumen sebut harga dan salinan sijil: Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G2 Kategori B,



Pengkhususan B24 atau B28 dan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera .

8. HANYA PENAMA yang boleh menghadiri lawatan tapak dan kegagalan untuk menghadiri taklimat sebut harga akan menyebabkan penyertaan syarikat tuan dalam sebut harga ini boleh DIBATALKAN.

## **2.0 LAMPIRAN Q**

---

**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga .
CIAST (S) 400-5/6/46

(Kew. 284-Pin.5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) ..... ..... No. Telefon: ..... No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan: ..... Kod bidang pendaftaran yang relevan  dengan pembelian ini <b>CIDB Gred G2 Kategori B, Pengkhususan B24 @ B28</b>	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap) <b>Pengarah,</b> <b>Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran</b> <b>Lanjutan (CIAST), Seksyen 19, 40300</b> <b>Shah Alam, Selangor.</b> No. Tel : <b>03-55438200</b> Tarikh : <b>22 Mac 2022</b>
---	--

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurna : **SEPERTI SYARAT-SYARAT AM DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PENERIMAAN SEBUT HARGA.**
  - 1.2. Tempoh penyempurnaan dikehendaki : **4 BULAN SELEPAS TANDATANGAN KONTRAKTOR.**
  - 1.3. Arahan pengiriman : **PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST), JALAN PETANI 19/1, SEKSYEN 19, 40300 SHAH ALAM, SELANGOR.**
  - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **CIAST (S) 400-5/6/46**
  - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari **01 April 2022.**
  - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **sembilan puluh (90) hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: **22 MAC 2022**

Tandatangan: .....  
 Nama Pegawai: **AHMAD ZAHIRI BIN ABDUL KADIR**  
 Jawatan:

Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan,  
 Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran  
 Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor

M.S. 1/5

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1.	SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR				
2.	Sila lengkapkan :- i) LAMPIRAN 2.3 : LAMPIRAN Q ii) LAMPIRAN 2.6 : BORANG SEBUT HARGA iii) BORANG KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA iv) LAMPIRAN A v) LAMPIRAN B vi) LAMPIRAN C vii) LAMPIRAN E viii) LAMPIRAN F ix) LAMPIRAN H			JUMLAH	_____
3.	Sila sertakan bersama salinan sijil i) CIDB & SPKK Gred G2 Kategori B, Pengkhususan B24 @ B28 ii) Penyata Bulanan Terkini Akaun Bank (3 bulan) Dis 2021,Jan 2022, Feb 2022 iii) SSM				
4.	Sebut harga tanpa dokumen-dokumen di atas tidak akan dipertimbangkan.				
5.	Tempoh Penyempurnaan ditawarkan <u>4 BULAN SELEPAS TANDATANGAN KONTRAKTOR.</u>				

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tempoh penyempurnaan ialah .....

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
 Penyebut Harga : .....

Nama dan K/P : .....

Alamat Syarikat : .....

Tarikh : .....

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

**6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang

yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG  
KELUARAN MALAYSIA**

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

### **3.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**



## SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

### 1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### 2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja\* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

### 3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

\*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

---

\* Potong jika tidak diperlukan

**4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

**5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

**6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

**7. RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya

daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

## **8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Pengantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

**10. BAYARAN KEMAJUAN**

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

**11. KERJA PERUBAHAN**

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

**12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

**13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

**14. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

**15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

**16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

## **4.0 SENARAI SEMAK**

---

**SENARAI SEMAK****SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR****BIL. SEBUT HARGA  
CIAST(S) 400 - 5/6/46**Sila tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Lampiran Q		
2.	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK),		
3.	Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera		
4.	Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G2 Kategori B, Pengkhususan B24 atau B28		
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
6.	Borang Maklumat Penyebut Harga		
7.	Lampiran A (Ringkasan Sebut Harga Pukal)		
8.	Lampiran B (Ringkasan Sebut Harga Kuantiti)		
9.	Lampiran C (Senarai Kerja Dalam Tangan)		
10.	Lampiran E (Surat Akuan Penyebutharga)		
11.	Lampiran F (Surat Akuan Penyebutharga)		
12.	Lampiran H (Jadual Pengalaman Syarikat)		
13.	Salinan Penyata Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir yang telah disahkan oleh intitusi kewangan		
14.	Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p>
<p>Tandatangan:</p>	<p>Tandatangan:</p>
<p>Nama:</p>	<p>Nama:</p>
<p>Jawatan:</p>	<p>Jawatan:</p>
<p>Tarikh:</p>	<p>Tarikh:</p>
	<p>Tandatangan:</p>
	<p>Nama:</p>
	<p>Jawatan:</p>
	<p>Tarikh:</p>
	<p>Tandatangan:</p>
	<p>Nama:</p>
	<p>Jawatan:</p>
	<p>Tarikh:</p>



**BORANG SEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA CIAST(S) 400-5/2/46**

..... (Nama dan Alamat Syarikat)

.....

.....

.....

Tuan,

**SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K.M.N & R SERTA  
KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN  
(CIAST) SHAH ALAM SELANGOR.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Am Sebut harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia: .....

.....(RM).....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... bulan dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh .....haribulan ..... 202.....

.....

Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh: .....

No. K/P: .....

Alamat:.....

.....

.....

.....

Atas Sifat:.....

Meterai/

Cop Kontraktor:

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh: .....

No. K/P: .....

Alamat: .....

.....

.....

.....

## KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. Nama Syarikat :

2. Alamat Syarikat

Alamat Berdaftar	Alamat Surat-menyurat
Poskod :	Poskod :
No Telefon :	No Telefon :
No Fax :	No Fax :
E-Mel :	E-Mel :

3. Pendaftaran Syarikat

3.1. No. Pendaftaran Kementerian Kewangan :

3.2. Tarikh ditubuhkan :

3.3. Tarikh Mula Pendaftaran :

3.4. Tarikh Tamat Pendaftaran :

4. Jenis Syarikat (tandakan kotak yang bersesuaian)

*Private Limited*

*Limited*

*Limited by Shares*

*Limited by guarantee*

5. Taraf Syarikat (tandakan kotak yang bersesuaian)

5.1  Syarikat Tempatan

Bumiputera

Bukan Bumiputera

5.2  Syarikat Luar Negeri

5.3  Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri

6. Komposisi Modal : Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

Komposisi Modal	Bilangan Pemegang	Jumlah Unit	%
Bumiputera			
Bukan bumiputera			

7. Ahli Lembaga Pengarah

Bil	Nama	No. KP	Jumlah Nilai Saham (RM)	%	Jawatan Dalam Syarikat
1.					
2.					
3.					

8. Nama Dan Kewarganegaraan Ahli Lembaga Pengarah

Bil	Nama	Warganegara
a.		
b.		
c.		
d.		
e.		
f.		
g.		

9. Komposisi Kakitangan:

Komposisi Kakitangan	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Lain-lain	Jumlah
Pengurusan				
Eksekutif/Profesional				
Teknikal				
Sokongan				
<b>Jumlah</b>				

10. Komposisi Kakitangan (Nyatakan bilangan kakitangan yang terlibat dalam projek ini):

Perkara	Jawatan	Kelayakan	Bilangan	Kakitangan di tapak	B/BB
Pengurusan					
Profesional/ Eksekutif					
Teknikal					
Sokongan					

B – Bumiputera

BB – Bukan Bumiputera

11. Komposisi Modal

Modal Yang Dibenarkan	Modal Berbayar

12. Maklumat Bank

<b>Nama Bank</b>	
<b>Alamat Bank</b>	
<b>No. Akaun Bank</b>	

13. Aset \*:

<b>Semasa</b>	RM
<b>Tetap</b>	RM
<b>Jumlah</b>	RM

14. Liabiliti\*\*:

<b>Semasa</b>	RM
<b>Tetap</b>	RM
<b>Jumlah</b>	RM

15. Nilai Kewangan :

- a. Semasa : RM
- b. Tetap : RM
- c. Jumlah : RM

16. Kemudahan Kredit (Jika Ada) :

<b>Nama Bank</b>	
<b>Alamat Bank</b>	
<b>No. Akaun Bank</b>	

17. Bentuk Dan Baki Amaun Yang Boleh Digunakan Untuk Projek Ini:

<b>Overdraf atau Talian Kredit</b>	RM
<b>Overdraf Bercagar</b>	RM
<b>Pinjaman tetap yang akan/layak diperolehi untuk Projek</b>	RM
<b>Jumlah</b>	RM

**Peringatan Penting:**

\* Sila Sertakan salinan Akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah (*Certified Accountant*) atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data yang diberi.

\*\* Sila sertakan Penyata Bulanan bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup tender.

18. Senaraikan semua projek perolehan kerja-kerja berkaitan yang pernah dilakukan untuk tempoh 3 tahun kebelakangan.

<b>Agensi/Jabatan/Syarikat</b>	<b>Nama Pegawai Untuk Dihubungi</b>	<b>No. Telefon</b>

19. Buatan Dalam/Luar Malaysia:

- (a) Sebutkan samada barang-barang yang hendak dibekalkan itu dibuat dalam Malaysia atau di luar Malaysia.
- (b) Jika barang dibuat dalam Malaysia, sebutkan peratus nilai bahagian barang yang dibuat dalam Malaysia.

20. Sila Nyatakan Samada Pengeluar Utama Atau Agen:

21. Kontrak Dengan Kerajaan Pada Masa Yang Lalu:

Jika Petender pernah mengikat kontrak dengan mana-mana Jabatan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, nyatakan samada firma tuan pernah mengalami penggantungan dan penamatan kontrak dalam perjalanan kontrak dengan Kerajaan oleh kerana pelanggaran syarat-syarat kontrak.

22. Lain-Lain Maklumat Bagi Menyokong Cadangan Ini:

Saya perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

Jawatan Rasmi Dalam Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama :

Jawatan :

Tarikh:

*Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)  
Jalan Petani 19/1, 40900 Shah Alam,  
Selangor.*

## LAMPIRAN A

**SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR**

**RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)**

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
1.	SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR	
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

**SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR**

**RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)**

Lampiran B					
SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR.					
RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)					
Bil	Spesifikasi Item	Kuantiti	Unit	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
<b>A</b>	<b>KERJA-KERJA AWALAN</b>				
1	Kerja-kerja awalan, pengurusan, pengawasan, penghantaran peralatan, tenaga kerja dan bahan-bahan kerja serta insuran ( <i>Contractor All Risk</i> ).	1	L/S		
<b>B</b>	<b>KERJA-KERJA AWAM</b>				
<b>KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN MEMBAIKI TANDAS</b>					
1	<b><u>Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Bingkai Pintu</u></b> Tanggal dan buang bingkai pintu rosak, bekal dan pasang bingkai pintu besi lengkap dengan engsel, striker plate dan spreader bar termasuk kerja-kerja membaiki sekeliling bingkai pintu dan cat pada bingkai tersebut. Ukuran Bingkai Pintu: 2300mm x (675mm sehingga 950mm)				
	a) Blok K	40	Unit		
	b) Blok M	52	Unit		
	c) Blok N	60	Unit		
	d) Blok R	9	Unit		
	(Bilik R007, R101, R104, R207, R208, R211, R213, R313 dan R329)				

2 Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Pintu				
2.1	Tanggal dan buang pintu rosak, bekal dan pasang pintu baru jenis pintu panel kayu keras berketam dipasang pada bingkai kayu atau keluli. Ukuran Pintu: 2300mm x (830mm sehingga 950mm) x 32mm			
	a) Blok K	8	unit	
	b) Blok M	4	unit	
	c) Blok N	8	unit	
	d) Blok R	4	unit	
	(Aras Bawah Tandas Lelaki & Wanita, Bilik R104 dan R208)			
2.2	<b>Membaiki dan Mengganti Kerosakan Pada Alat Kunci</b> Bekal dan pasang alat kunci motisrebated 2 tuas dengan keluli tertekan dan forend loyang dan lain-lain dengan pemegang tombol berkemasan loyang tertekan.			
	a) Blok K	8	unit	
	b) Blok M	4	unit	
	c) Blok N	8	unit	
	d) Blok R	4	unit	
	(Aras Bawah Tandas Lelaki & Wanita, Bilik R104 dan R208)			
3 Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Pintu Tandas				
3.1	Tanggal dan buang pintu rosak, bekal dan pasang 15mm tebal pintu tandas HPL ( <i>High Pressure Laminate</i> ) termasuk engsel dan bolt penunjuk serta dipasang pada bingkai kayu atau keluli. Ukuran Pintu: 2100mm x( 675mm sehingga 900mm )x 15mm			
	a) Blok K	32	unit	
	b) Blok M	48	unit	
	c) Blok N	52	unit	
3.2	Tanggal dan buang, bekal dan pasang 38mm tebal pintu tandas PVC saiz keseluruhan 875mm lebar x 2000mm tinggi termasuk engsel dan bolt penunjuk dipasang pada bingkai (bingkai diukur secara berasingan).			
	a) Blok R	8	unit	
	(Bilik R007, R101, R104, R207, R211, R213, R313 & R329)			
	b) Blok C	4	unit	
	(Tandas luar Lelaki dan Wanita)			



4 <b>Tandas (WC) Aras Bawah Blok K</b>				
4.1	Tanggal dan buang, bekal dan pasang tandas (WC) jenis duduk dari jenis tanah liat kilat putih mengikut BS 1213 dengan tempat duduk berengsel mengikut BS 1254	2	unit	
4.2	Tanggal dan buang, bekal dan pasang 9 liter tangki air ( <i>cistern</i> ) dan paras rendah termasuk pendakap yang di skru pada dinding.	2	unit	
4.3	Tanggal dan buang, bekal dan pasang tandas (WC) jenis cangkung dari tembikar putih dengan perangkap dan sepasang keping pemijak	1	unit	
4.2	Tanggal dan buang, bekal dan pasang 9 liter tangki air ( <i>cistern</i> ) dan paras tinggi termasuk pendakap yang di skru pada dinding.	1	unit	
5 <b>Kerja-kerja Lapisan Kalis Lembap (Waterproof) Pada Bilik Air</b>				
5.1	Kerja-kerja memecah dan membersihkan segala ubinan dan ratakan semula jalur-jalur potongan untuk menerima jubin lantai dan dinding yang baru dan lain-lain kerja berkaitan mengikut standart dan spesifikasi piawai .			
	a) Blok K	531	meter persegi	
	b) Blok M	488	meter persegi	
	c) Blok N	638	meter persegi	
5.2	Kerja-kerja membuat ' <i>angle-fillet</i> ' di bahagian sudut di antara dinding dan lantai bilik air dan lain-lain kerja berkaitan mengikut standart dan spesifikasi piawai.			
	a) Blok K	110	meter	
	b) Blok M	150	meter	
	c) Blok N	200	meter	
5.3	Kerja-kerja membekal dan memasang bahan kalis air jenis cementitious yang diluluskan setebal 3mm, 2 lapisan di keseluruhan bilik air termasuk 1 kaki paras dinding dan lain-lain kerja berkaitan.			
	a) Blok K	250	meter persegi	
	b) Blok M	140	meter persegi	
	c) Blok N	380	meter persegi	
	* Bahan kalis air perlu dikemukakan untuk kelulusan bahan. * Kerja-kerja ' <i>Ponding Test</i> ' selama 24 jam perlu dilaksanakan bagi memastikan tiada kebocoran berlaku.			

5.4	Kerja-kerja membekal dan memasang simen jenis cepat keras yang diluluskan pada sekeliling 'down pipe' di bilik air dan lain-lain kerja berkaitan.				
	a) Blok K	100	meter persegi		
	b) Blok M	50	meter persegi		
	c) Blok N	100	meter persegi		
5.5	Kerja-kerja menurap skrid yang dilepa licin setebal 12mm untuk menerima jubin lantai yang baru dan lain-lain kerja yang berkaitan.				
	a) Blok K	224	meter persegi		
	b) Blok M	186	meter persegi		
	c) Blok N	265	meter persegi		
5.6	Kerja-kerja menurap 16mm skrid simen dan pasir untuk menjubin pada dinding sediaada dan lain-lain kerja berkaitan.				
	a) Blok K	307	meter persegi		
	b) Blok M	302	meter persegi		
	c) Blok N	373	meter persegi		
	d) Blok R	33.3	meter persegi		
5.7	Kerja-kerja membekal dan memasang 300mm X 300mm X 8mm jubin berkaca seramik jenis penghalang gelincir tidak termasuk skrid ( <i>anti-slip ceramic tiles</i> ) pada lantai bilik air dan lain-lain kerja berkaitan.				
	a) Blok K	224	meter persegi		
	b) Blok M	186	meter persegi		
	c) Blok N	265	meter persegi		
	d) Blok R	42	meter persegi		
	(Aras Bawah Tandas Lelaki & Wanita, Bilik R206 dan R214) ( <i>nota: Mohon kontraktor membawa katalog, pemilihan warna dan rekabentuk haruslah dipersetujui oleh pihak pelanggan</i> )				
5.8	Kerja-kerja membekal dan memasang 250mm X 250mm X 7mm jubin dinding gilap dari kelas yang terbaik di bilik air dan lain-lain kerja berkaitan.				
	a) Blok K	307	meter persegi		
	b) Blok M	302	meter persegi		
	c) Blok N	373	meter persegi		
	d) Blok R	33.3	meter persegi		
	(Aras Bawah Tandas Lelaki & Wanita) ( <i>nota: Mohon kontraktor membawa katalog, pemilihan warna dan rekabentuk haruslah dipersetujui oleh pihak pelanggan</i> )				
5.9	Kerja-kerja membekal dan memasang perangkat lantai baru jenis 'stainless steel' di pasang pada bilik air dan lain-lain kerja berkaitan.				
	a) Blok K	48	unit		
	b) Blok M	30	unit		
	c) Blok N	72	unit		
	d) Blok R	16	unit		
	( Aras Bawah Tandas Lelaki & Wanita, Bilik R007, R106, R207, R211, R213, R214, R223, R226, R329 dan R339) ( <i>nota: Mohon kontraktor membawa katalog, pemilihan warna dan rekabentuk haruslah dipersetujui oleh pihak pelanggan</i> )				

<b>6 Kerja-kerja Mengecat</b>				
6.1	Kerja-kerja mengikis cat sediaada, distemper lama dan sebagainya dari permukaan yang berlepa, basuh dan membaiki semua retak dengan dempul ( <i>putty</i> ) termasuk permukaan lain yang cacat pada dinding dan siling tandas dan lain-lain kerja berkaitan.			
	a) Blok K	732	meter persegi	
	b) Blok M	410	meter persegi	
	c) Blok N	850	meter persegi	
	d) Blok R			
	(Bilik R101, R104, R207, R208, R211, R214 dan R226)	591	meter persegi	
6.2	Kerja-kerja membekal dan mengecat dua (2) lapis cat emulsi pada permukaan berlepa termasuk permukaan lain yang cacat pada dinding dan siling dan lain-lain kerja berkaitan.			
	a) Blok K	732	meter persegi	
	b) Blok M	410	meter persegi	
	c) Blok N	850	meter persegi	
	d) Blok R	591	meter persegi	
	(Bilik R101, R104, R207, R208, R211, R214 dan R226) <i>(nota: Mohon kontraktor membawa katalog, pemilihan warna dan rekabentuk haruslah dipersetujui oleh pihak pelanggan)</i>			
6.3	<b>Kerja Mengecat Pintu</b> Sediakan permukaan dan cat dua lapis Cat Kilat Berasas Alkayd Sintetik pada logam dan kayu.			
	a) Blok K	28	meter persegi	
	b) Blok M	14	meter persegi	
	c) Blok N	28	meter persegi	
	d) Blok R	7	meter persegi	
<b>7 Menaikkan Aras Tempat Membasuh Kain</b>				
	Kerja-kerja konkrit untuk meninggikan aras tempat membasuh kain bersaiz 6.25 x 0.3 x 0.2m serta dengan satu bidang saluran air buangan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. <i>* Semua gred konkrit dalam kerja-kerja konkrit hendaklah menggunakan Gred 20.</i>			
	a) Blok M (2 bilangan)	0.75	meter padu	
	b) Blok N (8 bilangan)	3	meter padu	

8 Tempat Pembuangan Air Kecil					
	Tanggal dan buang tempat pembuangan air kecil diperbuat dari tembikar putih.				
	a) Blok K	8	unit		
	b) Blok H	3	unit		
9 Membaikpulihan Sistem Pam & Saluran Air Sinki					
	Kerja-kerja membaiki sistem pam tandas duduk dan sistem saluran air pada sinki termasuk 'bottle trap' dan kerja-kerja berkaitan.				
	a) Blok R	1	L/S		
	(Bilik R007, R208, R211, R223, R224, R225, R226 R302,R313, R329 dan R339)				
10 Sistem Paip Air Buangan & Sanitari					
	Tanggal dan buang paip buangan dan kelengkapan lama dari pelbagai jenis ( <i>Cast Iron &amp; UPVC</i> ) termasuk memecah permukaan lantai atau dinding yang terlibat dan membaiki semula, membekal dan memasang paip buangan baru jenis UPVC termasuk kelengkapan / pemasangan serta kerja-kerja berkaitan sebagaimana standart, piawaian dan spesifikasi yang telah ditetapkan.				
	a) Blok K	1	L/S		
	b) Blok M	1	L/S		
	c) Blok N	1	L/S		
11 Sistem Perpaipan Air Bangunan					
	Membaiki dan menyiapkan kerja-kerja membuka paip dan kelengkapan lama, membekal, mengganti dan memasang paip baru jenis <i>UPVC Paip kelas "E"</i> untuk paip domestik dalam bangunan termasuk kelengkapan, penyambungan paip dan lain-lain kelengkapan termasuk kerja-kerja berkaitan sebagaimana standart, piawaian dan spesifikasi.				
	a) Blok K	1	L/S		
	b) Blok M	1	L/S		
	c) Blok N	1	L/S		
	d) Blok R (2 unit rumah warden, Bilik R011 dan R207)	1	L/S		

12 <b>Membaik Pulih Tandas Lelaki di Blok H</b>					
12.1	Kerja-kerja menebuk lubang pada dinding lama 113mm tebal termasuk menupang dan membaiki semula kerosakkan di sekelilingnya bagi tujuan bukaan pembinaan pintu baru.	2.185	meter persegi		
12.2	Bekal dan pasang bingkai pintu besi lengkap dengan engsel, striker plate dan spreader bar termasuk kerja-kerja pembaikan sekeliling bingkai pintu dan cat pada bingkai tersebut. Ukuran bingkai pintu : 2300mm x 950mm	1	unit		
12.3	Bekal dan pasang pintu baru jenis pintu panel kayu keras berketam dipasang pada bingkai kayu atau keluli. Ukuran pintu: 2300mm x 950mm x 32mm	1	unit		
12.4	Bekal dan pasang alat kunci motisrebated 2 tuas dengan keluli tertekan dan forend loyang dan lain-lain dengan pemegang tombol berkemasan loyang tertekan.	1	unit		
12.5	Sediakan permukaan dan cat dua lapis Cat Kilat Berasas Alkayd Sintetik pada logam dan kayu.	4.37	meter persegi		
12.6	Membuka dinding tandas HPL dan membina dinding bata campuran pasir dan simen 113mm tebal diperkuat dengan tetulang 'Exmet' dipasang tiap-tiap barisan yang keempat menjadi dinding pemisah antara tandas kakitangan dan tandas pelajar.	11.76	meter persegi		
12.7	Kerja-kerja membekal dan memasang 250mm X 250mm X 7mm jubin dinding gilap dari kelas yang terbaik di bilik air dan lain-lain kerja berkaitan. <i>(nota: Mohon kontraktor membawa katalog, pemilihan warna dan rekabentuk haruslah dipersetujui oleh pihak pelanggan)</i>	17	meter persegi		
12.8	Kerja-kerja mengalih dan membaikpulihan sistem pendawaian, perpaipan, cermin muka, siling, 'table top' dan sinki yang melibatkan kerja-kerja pengubahsuaian dan membaiki semula kerja-kerja yang rosak.	1	L/S		
12.9	Kerja-kerja signage <i>(nota: Mohon kontraktor membawa katalog, pemilihan warna dan rekabentuk haruslah dipersetujui oleh pihak pelanggan)</i>	1	L/S		

<b>13 <u>Membaik Pulih Tandas Luar di Blok C</u></b>				
13.1	Tanggal dan buang bingkai pintu rosak, bekal dan pasang bingkai pintu besi lengkap dengan engsel, striker plate dan spreader bar termasuk kerja-kerja pembaikan sekeliling bingkai pintu dan cat pada bingkai tersebut.			
	Ukuran Bingkai Pintu: 2100mm x (675mm sehingga 900mm)	4	unit	
13.2	Tanggal dan buang, bekal dan pasang 38mm tebal pintu tandas PVC saiz keseluruhan 875mm lebar x 2000mm tinggi termasuk engsel dan bolt penunjuk dipasang pada bingkai (bingkai diukur secara berasingan).	4	unit	
13.3	Tanggal dan buang, bekal dan pasang 9 liter tangki ( <i>cistern</i> ) air plastik paras tinggi termasuk pendakap yang diskru pada dinding.	2	unit	
13.4	Tanggal dan buang, bekal dan pasang 9 liter tangki ( <i>cistern</i> ) air plastik paras rendah termasuk pendakap yang diskru pada dinding.	2	unit	
<b>14 <u>PERALATAN DAN SEWA LOGI</u></b>				
	Menyewa tempat pengumpulan sisa-sisa binaan dan kerja-kerja membuang segala sisa binaan keluar kawasan dari tapak bina ke tempat pelupusan yang diluluskan oleh PBT (Pihak Berkuasa Tempatan).	1	L/S	
<b>Jumlah dibawa ke borang Sebut Harga</b>				

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

## SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Bil.	Jabatan/Agensi	Jenis Bekalan	Nilai (RM)	Tarikh Bekalan	Tempoh Kontrak	Pegawai Rujukan Jabatan ( <i>Contact Person</i> )

**SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA**

**Pengarah,**  
 Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST),  
 Jalan Petani 19/1, 40900 Shah Alam, Selangor.

Tuan,

Tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat Sebutharga yang berkembar, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini dengan ini mengambil bahagian dalam **Sebut Harga** dan menawarkan untuk **SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR** yang dinyatakan di dalam jadual kontrak termasuklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam perjanjian kontrak yang mana dikembalikan bersama dengan tawaran Sebutharga ini (**Kod Sebutharga : CIAST(S) 400 - 5/6/46**).

2. Saya menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua syarat-syarat kontrak dan skop kerja yang ada di dalam jadual Sebutharga dan juga bersetuju di atas harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran kepada perkhidmatan yang mana telah dipesan oleh CIAST.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa CIAST berhak menerima atau menolak sebarang Sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan Penyebutharga-penyebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima ke semua atau sebahagian dari skop kerja yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan CIAST. Saya juga bersetuju bahawa harga Sebutharga yang saya beri ini akan laku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh tutup Sebutharga.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya Sebutharga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan (sekiranya perlu) dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari CIAST.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk Sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama Pembida: .....

.....  
 Tandatangan Pembida  
 Cop Pembida

Alamat : .....  
 .....

Tarikh : .....

Nama Saksi : .....

.....  
 Tandatangan Saksi

Alamat : .....  
 .....

Tarikh : .....



**SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA**

**BAGI**

**SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR**

**Sebut Harga : CIAST(S) 400 - 5/6/46**

Saya,.....nombor K.P .....yang mewakili.....nombor Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam CIAST atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam CIAST atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga\* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

4. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama dan No. KP)  
Cop Syarikat :  
Catatan:

JADUAL PENGALAMAN SYARIKAT

SEBUTHARGA BAGI MENYELENGGARA TANDAS ASRAMA BLOK K,M,N & R SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) SHAH ALAM SELANGOR  
 CIAST(S) 400 - 5/6/46

NAMA PROJEK	JENIS/BIDANG PROJEK	TEMPOH PERLAKSANAAN	ORGANISASI	NILAI/KOS PROJEK

Nota : Penyebutarga dikehendaki memberi keterangan hanya untuk tempoh **TIGA (3)** tahun terakhir yang berkaitan sahaja